



**Pampasan dan Pengurusan  
Kecelakaan Pekerja:**

**Panduan untuk  
Pekerja**

Skim pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja yang sesuai untuk semua.

[workcover.wa.gov.au](http://workcover.wa.gov.au)

## WorkCover WA



2 Bedbrook Place, Shenton Park WA 6008  
Telefon: (08) 9388 5555



Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan: **1300 794 744**  
(8.30 pagi hingga 4.00 petang, Isnin hingga Jumaat)



Layari [workcover.wa.gov.au](http://workcover.wa.gov.au)

### Perihal WorkCover WA

WorkCover WA ialah agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengawal selia skim pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja di Western Australia.

Antara lainnya, WorkCover WA memantau pematuhan *Akta Pampasan dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 2023*, yang menyediakan maklumat dan mendidik pekerja, majikan dan pihak-pihak lain mengenai pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja di samping mengadakan sistem penyelesaian pertikaian yang bebas.

Terbitan ini kemas kini setakat Julai 2024.

### Penafian

Terbitan ini mengandungi maklumat mengenai pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja. Terbitan ini bertujuan memberikan maklumat am sahaja. Anda tidak sepatutnya bertindak atau sengaja tidak bertindak berdasarkan maklumat yang terkandung di sini. Panduan ini hendaklah dibaca sehubungan dengan *Akta Pampasan dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 2023*. Anda harus mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang berpatutan mengenai keadaan anda khususnya.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, layari laman web WorkCover WA. Undang-undang pampasan pekerja juga boleh didapati di laman web Pejabat Peguam Parlimen, iaitu [legislation.wa.gov.au](http://legislation.wa.gov.au)

© 2024 WorkCover Western Australia. Hak cipta terpelihara.

Kecederaan semasa bekerja boleh meninggalkan kesan yang ketara terhadap kehidupan peribadi dan profesional anda. Undang-undang pampasan pekerja di WA bermatlamat memastikan pekerja yang tercedera menerima pampasan yang setimpal sementara mereka tidak dapat bekerja dan disokong apabila kembali bekerja untuk mengurangkan kesan ini.

Panduan ini menyediakan maklumat secara kasar supaya pekerja yang tercedera dapat memahami pengendalian sistem pampasan pekerja di WA, cara terbaik menuntut pampasan dan cara memperoleh hasil yang sebaik-baiknya jika tercedera.

Maklumat dan sumber tambahan untuk pekerja dan majikan boleh didapati di laman web WorkCover WA.

Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA juga boleh memberikan maklumat dan penjelasan selanjutnya tentang tajuk-tajuk yang diliputi dalam panduan ini.

# Kandungan

## Bahagian 1 | Memahami Pampasan Pekerja

Skim pampasan pekerja.....	4
Tuntutan pampasan pekerja .....	5
Hak pampasan pekerja .....	6

## Bahagian 2 | Proses Tuntutan

Membuat tuntutan .....	8
Menerima pampasan.....	10

## Bahagian 3 | Pengurusan Kecederaan

Peranan dan tanggungjawab.....	12
--------------------------------	----

## Bahagian 4 | Peranan dan tanggungjawab

Pekerja.....	14
Majikan .....	14
Penanggung insurans.....	15
Pengamal perubatan yang merawat anda.....	15
Pemberi khidmat rehabilitasi di tempat kerja yang diluluskan.....	15



# Bahagian 1

## Memahami Pampasan Pekerja

### Skim pampasan pekerja

#### Apakah maksud pampasan pekerja?

Pampasan pekerja ialah pampasan kewangan yang diberikan kepada pekerja yang tercedera kerana menjalankan tugas.

Pampasan ini mungkin meliputi kehilangan pendapatan, kecacatan kekal, belanja perubatan dan rehabilitasi di tempat kerja untuk membantu mereka kembali bekerja.

Pekerja yang ditimpa kecederaan atau penyakit disebabkan kerjanya lalu memerlukan rawatan perubatan atau tempoh tidak bekerja berhak menuntut pampasan pekerja, walau siapa pun yang bersalah.

#### Pampasan pekerja di WA

Skim pampasan pekerja di Western Australia dikendalikan oleh WorkCover WA menurut *Akta Pampasan dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 2023* (Akta). Akta ini ada dua tujuan:

- memastikan bahawa kecederaan di tempat kerja diuruskan agar pekerja boleh kembali bekerja dengan segera dan selamat
- memastikan bahawa pekerja yang tercedera menerima bayaran untuk memampas kehilangan pendapatan, belanja perubatan dan kos yang berkait dengannya sementara mereka tidak dapat bekerja.

Majikan dikehendaki mengekalkan perlindungan insurans pampasan pekerja dengan syarikat insurans berlesen atau mendapatkan lesen sebagai penginsurans diri.

Skim ini meliputi pekerja sepenuh masa, separuh masa dan sambilan, dan dalam sesetengah keadaan, kontraktor dan subkontraktor.

#### Hak dan kewajipan di bawah Akta

Hak dan kewajipan majikan, pekerja dan pihak-pihak lain yang penting dalam skim ini ditakrifkan di bawah Akta. Menurut undang-undang, majikan wajib mendapatkan polisi insurans pampasan pekerja yang kemas kini untuk melindungi semua pekerja mereka serta sistem pengurusan kecederaan yang didokumenkan bagi tempat kerja mereka. Majikan, penginsurans dan penginsurans diri juga mesti memastikan bahawa tuntutan pampasan pekerja diuruskan selaras dengan Akta.

*Prinsip dan Standard Amalan Penginsurans dan Penginsurans Diri, Prinsip dan Standard Amalan Pemberi Khidmat Rehabilitasi di Tempat Kerja dan Prinsip dan Standard Amalan Broker Insurans WorkCover WA* dapat menjamin bahawa taraf perkhidmatan yang tinggi diberikan kepada majikan dan pekerja.

Antara pihak-pihak penting yang lain dalam skim ini ialah pengamal perubatan yang merawat dan pemberi khidmat rehabilitasi di tempat kerja. Setiap pihak menjalankan peranan yang penting dalam proses pampasan pekerja. Mereka bekerja rapat dengan majikan dan pekerja untuk mengurangkan kesan kecederaan di tempat kerja terhadap semua pihak yang terjejas.

### Insurans pampasan pekerja

Insurans pampasan pekerja melindungi pekerja dan majikan mereka daripada kesan kewangan oleh kecederaan yang berkait dengan kerja. Insurans ini menyediakan pampasan bagi kos dan belanja yang timbul daripada tuntutan pampasan pekerja. Seandainya berlaku kecederaan, majikan akan berhubung dengan penginsurans mengenai taksiran dan pengurusan tuntutan.

Walaupun bagaimanapun, dalam keadaan yang tertentu, pekerja boleh berurusan terus dengan penginsurans (contohnya sehubungan dengan pemeriksaan perubatan atau pembayaran belanja perubatan).

## Tuntutan pampasan pekerja

### Layakkah saya menuntut pampasan pekerja?

Anda berhak menuntut pampasan pekerja jika anda ditimpa kecederaan semasa bekerja dan anda ditakrifkan oleh undang-undang sebagai pekerja.

Definisi pekerja di bawah Akta merangkumi:

- pekerja sepenuh masa yang dibayar upah atau gaji
- pekerja separuh masa, sambilan dan bermusim
- pekerja yang dibayar komisen
- pekerja yang dibayar mengikut hasil kerja.

Dalam sesetengah keadaan, pekerja juga boleh merangkumi:

- kontraktor dan subkontraktor
- pengarah yang bekerja.

Jika timbul keraguan sama ada syarat perjawatan anda meliputi pampasan pekerja untuk anda, telefon Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA.

### Bagaimanakah cara saya membuat tuntutan?

Untuk menuntut pampasan pekerja, anda perlu mendapatkan khidmat pengamal perubatan terlebih dahulu untuk mengesahkan bahawa punca kecederaan anda berkait dengan kerja. Jika pengamal perubatan yang merawat anda menentukan bahawa kecederaan anda berkait dengan kerja, beliau akan mengeluarkan Perakuan Kemampuan Pertama yang menyatakan jenis dan keparahan kecederaan anda, kemampuan anda untuk bekerja dan larangan melakukan tugas yang tertentu, jika ada, akibat kecederaan tersebut.

Anda dan majikan anda juga perlu mengisi Borang Tuntutan Pampasan Pekerja, yang akan memberikan butir-butir tentang masa dan tempat berlakunya kecederaan tersebut, keadaan sekitar kejadian itu dan faktor-faktor penyumbanganya, jika ada. Borang Tuntutan dan Perakuan Kemampuan Pertama diserahkan kepada penginsurans majikan, yang akan menggunakan maklumat yang diberikan untuk menaksir kelayakan anda mendapat hak pampasan. Maklumat terperinci tentang cara membuat tuntutan dan cara tuntutan itu diuruskan diterangkan dalam Bahagian 2: Proses Tuntutan.



# Bahagian 1

## Hak pampasan pekerja

Jika tuntutan anda diterima, anda mungkin layak menerima bayaran untuk memampas kehilangan pendapatan, belanja perubatan, belanja kesihatan dan aneka perbelanjaan, rehabilitasi di tempat kerja, belanja perjalanan dan kecacatan kekal (jika berkenaan).

### Amaun Maksimum Umum

Had dikenakan terhadap jumlah amaun atau nilai pampasan yang boleh anda terima bagi setiap peruntukan sepanjang hayat tuntutan anda. Amaun maksimum ini disesuaikan setiap tahun.

Untuk mengetahui amaun terkini, tanya penginsurans majikan anda atau lihat di laman web WorkCover WA.

### Peruntukan umum

#### Pampasan pendapatan

Bayaran untuk memampas kehilangan pendapatan disebut bayaran pampasan pendapatan. Bayaran ini mungkin dibuat setiap minggu, setiap dua minggu atau setiap bulan, bergantung pada cara anda biasanya dibayar. Bayaran pampasan pendapatan dihitung berdasarkan purata pendapatan sebelum berlakunya kecederaan sepanjang tempoh 12 bulan bagi pekerja award dan bukan award (atau tempoh perjawatan jika kurang daripada setahun).

Selepas menerima bayaran selama 26 minggu, bayaran pampasan ini diturunkan kepada 85% daripada kadar gaji pekerja sebelum berlakunya kecederaan, tertakluk kepada amaun minimum dan maksimum. Tanpa mengira syarat perjawatan dan award anda, amaun bayaran pampasan pendapatan dihadkan kepada purata pendapatan mingguan bagi orang dewasa di WA.

#### Belanja perubatan dan kesihatan

Antara belanja perubatan dan kesihatan yang boleh anda tuntut ialah:

- ubat
- prosedur perubatan atau pembedahan
- rawatan oleh pakar
- kos kemasukan ke hospital
- pergigian
- rawatan kesihatan bersekutu (termasuk fisioterapi, akupunktur kiropraktik, osteopati, kerja sosial kesihatan mental, terapi cara kerja, psikologi, patologi pertuturan dan program berasaskan senaman).

Penginsurans majikan anda hanya diwajibkan membayar belanja yang 'berpatutan' setakat kadar yang ditetapkan oleh pemberi khidmat perubatan dan kesihatan.

Kadar terkini disiarkan pada laman web WorkCover WA.

#### Belanja rehabilitasi di tempat kerja

Anda berhak menuntut bayaran untuk menampung kos perkhidmatan rehabilitasi di tempat kerja oleh pemberi khidmat yang diluluskan jika anda memerlukan bantuan sama ada untuk terus bekerja atau kembali bekerja selepas mengalami kecederaan.

Maklumat selanjutnya tentang perkhidmatan rehabilitasi di tempat kerja diberikan di dalam Bahagian 3: Pengurusan Kecederaan.

#### Aneka perbelanjaan

Selain belanja perubatan dan kesihatan, pampasan juga dibayar bagi aneka perbelanjaan.

Had tidak dikenakan terhadap belanja ini, antaranya:

- pertolongan cemas dan pengangkutan kecemasan
- kerusi roda atau perkakas seumpamanya
- perkakas pembedahan atau anggota palsu
- perjalanan
- penilaian tahap kecacatan kekal.

## Pampasan bagi kecacatan kekal

Pampasan bagi kecacatan kekal mungkin boleh juga diberikan kepada pekerja yang mengalami kecacatan kekal akibat kecederaan yang berkait dengan kerja. Kelayakan menerima pampasan, termasuk jumlah amaun yang boleh dibayar, didasarkan pada tahap kecacatan kekal pekerja (diungkapkan sebagai peratusan) oleh Penaksir Kecacatan Kekal yang Diluluskan (APIA). Pampasan kecacatan kekal hanya boleh dibayar sebagai sebahagian daripada penyelesaian tuntutan pekerja.

## Penaksiran kecacatan

APIA ialah pengamal perubatan yang diluluskan oleh WorkCover WA untuk menaksir tahap kecacatan kekal yang disebabkan oleh kecederaan yang berkait dengan kerja. Penaksiran kecacatan dilakukan hanya setelah keadaan pekerja menjadi stabil dan tidak mungkin akan berubah.

Anda berhak memilih APIA anda sendiri untuk melakukan penaksiran. Daftar APIA, termasuk butir-butir perhubungannya, boleh didapati pada laman web WorkCover WA.

## Penyelesaian

Perjanjian penyelesaian memuktamadkan tuntutan pampasan sekali gus. Perjanjian penyelesaian yang memperuntukkan pampasan sekali gus mesti didaftarkan dengan WorkCover WA. Kriteria yang tertentu mesti dipenuhi sebelum perjanjian penyelesaian boleh didaftarkan.

## Common Law

Anda mungkin layak menuntut ganti rugi terhadap majikan anda melalui mahkamah jika kecederaan anda disebabkan oleh kecuaiannya. Syarat dikenakan, termasuk keperluan mendaftarkan pilihan kecacatan seluruh badan yang ditaksir sebanyak 15% atau lebih.

## Jenis pampasan yang lain

### Kehilangan Pendengaran Akibat Hingar (NIHL)

Jika pekerja percaya bahawa dia hilang pendengaran kerana terdedah kepada hingar di tempat kerja, dia mungkin layak menuntut pampasan pekerja atas sebab NIHL. Ambang tuntutan pertama ialah NIHL sekurang-kurangnya 10%.

Terdapat proses dua langkah untuk menuntut pampasan atas sebab NIHL, yang bermula dengan ujian audiologi diikuti dengan penilaian NIHL. Pampasan dibayar sekali gus setakat 75% daripada Amaun Maksimum Umum dan dibayar sebagai perkadaran NIHL yang dinilai.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, layari laman web WorkCover WA.

### Penyakit debu

Pneumokoniosis, silikosis, mesotelioma, kanser paru-paru dan fibrosis pleura serak – setiap satunya dirujuk sebagai penyakit debu – diliputi atas andaian kecederaan kerja.

Tuntutan penyakit debu dirujuk kepada Panel Perubatan Penyakit Debu (DDMP) untuk ditentukan.

DDMP membuat penentuan yang mengikat tentang persoalan yang berkait dengan diagnosis penyakit ini, tahap ketidakmampuan, jika berkenaan (iaitu, jika berkait dengan pampasan pendapatan) dan tahap kecacatan kekal, jika berkenaan (iaitu, jika berkait dengan pampasan kecacatan kekal dan/atau penggunaan Common Law).

### Kematian di tempat kerja

Jika pekerja meninggal dunia akibat kecederaan yang berkait dengan kerja, pampasan boleh dituntut oleh tanggungan pekerja itu. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, hubungi Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA atau layari laman web WorkCover WA.

# Bahagian 2

## Proses Tuntutan

### Membuat tuntutan

Langkah-langkah yang berikut hendaklah diambil berikutan kecederaan semasa bekerja:

- Dapatkan pertolongan cemas dengan segera dan laporkan kemalangan atau kecederaan anda menurut dasar dan prosedur pelaporan kejadian buruk yang ditetapkan oleh majikan anda.
- Atur janji temu untuk berjumpa dengan pengamal perubatan pilihan anda dengan secepat mungkin supaya kecederaan anda boleh dirawat dan ditaksir.
- Minta Perakuan Kemampuan Pertama daripada pengamal perubatan itu.
- Minta Borang Tuntutan Pampasan Pekerja daripada majikan anda atau muatkan turun borang itu daripada laman web WorkCover WA.
- Isi bahagian pekerja Borang Tuntutan itu dan pulangkannya, berserta Perakuan Kemampuan anda, kepada majikan anda. Simpan sesalinan kedua-dua dokumen tersebut sebagai rekod anda.
- Majikan anda perlu mengisi bahagian mereka pada Borang Tuntutan itu dan menyerahkannya berserta Perakuan Kemampuan anda kepada penginsurans mereka dalam masa tujuh hari selepas menerima dokumen-dokumen ini daripada anda.

Anda mesti membuat tuntutan dengan secepat mungkin tanpa melebihi 12 bulan selepas berlakunya kecederaan.

Simpan salinan Perakuan Kemampuan dan Borang Tuntutan anda sebagai rekod dan rujukan, jika diperlukan.

Pertanyaan tentang sesuatu tuntutan khusus hendaklah ditujukan kepada pengurus atau penyelia anda di tempat kerja dahulu, sehingga tuntutan itu dilanjutkan kepada penginsurans majikan anda.

### Janji temu perubatan anda yang pertama

Anda hendaklah mengatur janji temu untuk berjumpa dengan pengamal perubatan pilihan anda dengan secepat mungkin selepas mengalami kecederaan. Semasa janji temu ini, pengamal perubatan yang merawat anda akan menaksir kecederaan anda dan mengeluarkan Perakuan Kemampuan Pertama.

Anda hendaklah memberi pengamal perubatan itu semua maklumat yang berkenaan dengan kecederaan anda supaya beliau boleh mengisi Perakuan Kemampuan itu dengan lengkap dan tepat. Maklumat yang diberikan oleh pengamal perubatan tersebut pada perakuan ini boleh amat mempengaruhi keputusan mengenai tuntutan anda. Perakuan Kemampuan akan:

- menyatakan diagnosis kecederaan anda
- memperakui kemampuan kerja anda dan tahap kemampuan itu (sepenuh atau separa)
- mengenal pasti jenis tugas yang boleh anda lakukan dan jenis larangan tugas
- mengenal pasti anggaran tempoh ketidakmampuan kerja itu akan berterusan
- merangka rancangan bagi janji temu akan datang dan rawatan perubatan lain yang dicadangkan.

### Penaksiran tuntutan

Setelah dokumentasi anda diterima, pengurus kes yang diperuntukkan oleh penginsurans majikan anda mungkin menghubungi anda, majikan anda dan pengamal perubatan yang merawat anda untuk mendapatkan maklumat selanjutnya agar beliau dapat menaksir liabiliti tuntutan. Penginsurans diberi masa 14 hari untuk memberitahu anda dan majikan anda keputusan mereka.

## Sementara tuntutan anda ditaksir

### *Belanja perubatan*

Anda bertanggungjawab menampung kos rawatan perubatan bagi kecederaan anda sehingga keputusan mengenai liabiliti dibuat oleh penginsurans majikan anda. Semua resit bayaran hendaklah disimpan sepanjang tempoh ini. Kos-kos ini akan digantikan bayarannya jika tuntutan anda diterima.

### *Bayaran ganti cuti berpilihan*

Sementara menunggu keputusan tentang tuntutan anda, bincanglah dengan majikan anda tentang pilihan mendapatkan bayaran ganti bagi cuti yang terkumpul, misalnya cuti tahunan atau cuti sakit, jika anda tidak dapat bekerja sepanjang tempoh ini. Semasa mempertimbangkan pilihan ini, anda harus maklum bahawa:

- bayaran ganti cuti bukan alternatif bagi pampasan pekerja
- bayaran ganti cuti diterima secara sukarela dan tidak menjejaskan hak anda menuntut pampasan pekerja dengan apa-apa cara pun
- hak mengambil cuti akan dikreditkan balik kepada anda jika tuntutan anda diterima.

### *Bayaran sementara*

Bayaran sementara akan dibuat jika penginsurans memerlukan lebih daripada 28 hari dari tarikh menerima tuntutan anda untuk memberitahu anda mengenai keputusan liabiliti. Bayaran sementara terdiri daripada bayaran pampasan pendapatan dan sejumlah belanja perubatan dan kesihatan yang terhad. Bayaran ini akan dihentikan setelah keputusan tentang tuntutan anda dibuat.

## Keputusan tentang tuntutan

Penginsurans majikan anda dikehendaki memberitahu anda dan majikan anda secara bertulis, dalam masa 14 hari selepas menerima tuntutan anda, sama ada tuntutan anda diterima, tidak diterima atau belum diputuskan. Jika belum diputuskan, notis keputusan tertangguh akan dikeluarkan. Penginsurans akan memberikan angka tuntutan yang hendaklah disebut dalam semua surat-menyurat yang berkaitan dengannya. Jika jawapan tidak diterima daripada penginsurans dalam masa 14 hari, tuntutan itu dianggap telah diterima dan pampasan perlu dibayar.


### Pilihan keputusan penginsurans

- **Diterima** - pampasan pekerja yang berhak anda terima perlu dibayar.
- **Tidak diterima** - pampasan tidak perlu dibayar. Penginsurans akan memberitahu anda dan majikan anda sebabnya. Jika anda tidak menyetujui keputusan itu, anda boleh menghubungi penginsurans untuk memohon agar hal itu dikaji semula. Anda juga boleh memohon kepada Perkhidmatan Pendamaian dan Penimbangtaraan (CAS) untuk mendapatkan bantuan menyelesaikan pertikaian itu.
- **Keputusan tertangguh** – jika keputusan tidak boleh dibuat tentang sesuatu tuntutan dalam masa 14 hari, penginsurans akan memberitahu anda bahawa keputusan telah ditangguhkan dan sebabnya. Jika notis keputusan liabiliti tidak boleh diberikan dalam masa 28 hari selepas menerima tuntutan, bayaran sementara perlu dibayar. Penginsurans diberi masa setakat 120 hari untuk memberikan notis keputusan liabiliti jika notis keputusan tertangguh telah diberikan sebelum itu. Jika penginsurans gagal berbuat demikian dalam rangka masa ini, tuntutan anda akan dianggap sebagai diterima.



# Bahagian 2

## Cara menuntut



## Menerima pampasan

### Bayaran pampasan pendapatan

Jika tuntutan anda diterima dan pengamal perubatan yang merawat anda memperakui bahawa kecederaan anda tidak membenarkan anda bekerja, anda berhak menerima bayaran pampasan pendapatan daripada majikan anda untuk memampas pendapatan yang terlepas.

Penginsurans majikan anda akan menghitung jumlah pampasan pendapatan yang berhak anda terima dan memberitahu majikan anda amaun yang betul untuk dibayar.

Majikan anda mesti bermula membuat bayaran itu dalam masa 14 hari selepas diberitahu oleh penginsurans bahawa tuntutan anda diterima dan membayar anda pada hari gaji anda yang biasa. Bayaran pertama akan mengandungi bayaran yang

terkumpul sejak hari anda mula-mula tidak mampu bekerja. Hukuman dikenakan terhadap majikan yang tidak membuat bayaran tepat pada masanya.

### Bilakah pampasan pendapatan ini berhenti?

Majikan anda dikehendaki meneruskan pembayaran pampasan pendapatan kepada anda melainkan:

- anda telah mencapai had jumlah pampasan pendapatan yang berhak anda terima
- anda bersetuju menghentikan bayaran itu
- anda kembali bekerja dan telah diberitahu mengenainya oleh majikan anda atau penginsurans mereka
- tuntutan pampasan pekerja anda dimuktamadkan melalui suatu penyelesaian
- anda mengambil pilihan untuk menuntut di bawah Common Law.

Majikan anda boleh memohon kepada WorkCover WA untuk menggantung atau menghentikan bayaran pampasan kepada anda jika:

- terdapat bukti perubatan bahawa ketidakmampuan anda bukan lagi suatu akibat kecederaan yang dialami
- anda tidak mengambil usaha yang berpatutan untuk kembali bekerja atau anda tidak mematuhi kewajipan anda untuk kembali bekerja
- anda gagal menghadiri pemeriksaan perubatan yang diatur oleh majikan anda atau oleh penginsurans mereka.

#### **Belanja rawatan perubatan dan kesihatan**

Belanja perubatan dan kesihatan yang berpatutan diliputi sebagai suatu pampasan yang berhak diterima oleh pekerja.

Setelah tuntutan anda diterima, hantarkan semua akaun dan invois yang berkait dengan rawatan perubatan dan kesihatan anda kepada majikan anda atau penginsurans mereka dengan secepat mungkin. Sebaliknya, penginsurans itu mungkin menggunakan aturan pengebilan dengan pengamal perubatan yang merawat anda atau dengan pemberi khidmat kesihatan yang lain.

#### **Pemeriksaan perubatan**

Anda berhak berjumpa dengan doktor pilihan anda untuk mendapatkan khidmat rawatan dan pengurusan bagi kecederaan anda. Walau bagaimanapun, majikan anda atau penginsurans mereka mungkin merujuk anda kepada pengamal perubatan untuk diperiksa semula atau untuk memohon pendapat kedua. Janji temu akan diatur untuk anda oleh penginsurans dan anda akan diberitahu waktu dan tarikh janji temu itu. Jika anda gagal menghadiri janji temu ini tanpa alasan yang munasabah, pampasan yang sedang anda terima mungkin terjejas.

Anda tidak akan dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan lebih daripada sekali dalam masa dua minggu atau pada bila-bila masa selain waktu yang berpatutan.

#### **Penaksiran APIA**

Penaksiran oleh APIA diperlukan untuk menilai peratusan kecacatan seluruh badan yang disebabkan oleh kecederaan anda, jika anda mahu:

- memohon pampasan sekali gus atas sebab kecacatan kekal
- menuntut ganti rugi di bawah Common Law
- memohon bayaran perubatan dalam keadaan luar biasa.

## **Menyelesaikan tuntutan anda**

Bagi kebanyakan tuntutan pampasan pekerja, pekerja yang tercedera pulih sepenuhnya dan kembali bekerja. Walau bagaimanapun, ada kalanya tuntutan juga boleh berakhir dengan perjanjian penyelesaian.

Penyelesaian memuktamadkan pampasan pekerja yang anda tuntutan. Jika anda memilih perjanjian penyelesaian, anda tidak lagi berhak menerima pampasan selanjutnya bagi tuntutan anda, termasuk belanja perubatan dan bayaran pampasan pendapatan. Sebelum mengambil pilihan penyelesaian, anda hendaklah mendapatkan nasihat undang-undang yang bebas atau menghubungi Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Penyelesaian yang diterima mungkin menjejaskan manfaat lain, misalnya Centrelink, cukai atau insurans kesihatan swasta. Oleh itu, anda mesti berbincang dengan pembekal manfaat anda sebelum membuat keputusan yang muktamad.

## **Tuntutan di bawah Common Law**

Dalam sesetengah keadaan, anda mungkin layak menuntut ganti rugi terhadap majikan anda melalui mahkamah. Tidak sama seperti sistem pampasan pekerja yang tidak memerlukan bukti kesalahan, anda mesti membuktikan bahawa kecederaan anda berlaku disebabkan kecuaiian atau kesalahan lain oleh majikan anda. Supaya layak menuntut ganti rugi di bawah Common Law, anda mesti mengalami kecacatan seluruh badan sebanyak sekurang-kurangnya 15% sebagaimana yang ditaksir oleh APIA.

Tuntutan di bawah Common Law memang kompleks dan boleh menjejaskan pampasan anda sebagai pekerja berkanun.

Anda sangat digalakkan meminta nasihat undang-undang yang bebas sebelum mengambil pilihan untuk menuntut di bawah Common Law.

## **Menyelesaikan pertikaian**

Jika berlaku pertikaian yang tidak boleh diselesaikan dengan penginsurans majikan anda, maka anda atau majikan anda boleh memohon kepada Perkhidmatan Pendamaian dan Penimbangtaraan (CAS) WorkCover WA untuk mendapatkan pertolongan menyelesaikan pertikaian tersebut.

CAS menyediakan sistem yang saksama dan berbaloi dengan kos untuk menyelesaikan pertikaian tentang pampasan pekerja atau masalah pengurusan kecederaan. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, layari laman web WorkCover WA.

# Bahagian 3

## Pengurusan Kecederaan

### Peranan dan tanggungjawab

#### Majikan anda

Undang-undang mewajibkan semua majikan mengadakan Sistem Pengurusan Kecederaan yang didokumenkan untuk memudahkan pekerja yang tercedera pulih dengan awal dan kembali bekerja dengan selamat.

Seseorang yang dinamakan oleh majikan akan memikul tanggungjawab sehari-hari terhadap Sistem Pengurusan Kecederaan ini dan biasanya akan menjadi titik hubungan pekerja sepanjang pemulihan. Selain tanggungjawab undang-undang, majikan anda hendaklah mengekalkan perhubungan yang berterusan dengan anda, pengamal perubatan yang merawat anda dan penginsurans mereka serta memberi anda sokongan yang berterusan berkenaan dengan tuntutan dan pengurusan kecederaan anda.

#### Pengamal perubatan yang merawat anda

Pengamal perubatan yang merawat anda akan menentukan diagnosis penyakit anda, menyediakan khidmat penjagaan perubatan asas, memberikan nasihat tentang pilihan rawatan yang ada dan memperakui kemampuan anda bekerja. Dari semasa ke semasa, pengamal perubatan yang merawat anda akan mengeluarkan Perakuan Kemampuan Kemajuan supaya majikan anda dan penginsurans mereka tahu perkembangan anda yang terkini, keperluan rawatan anda pada ketika itu dan kemampuan anda kembali bekerja.

#### Sebelum kembali bekerja

Kerjasama anda dengan pengamal perubatan yang merawat anda dan majikan anda serta penglibatan anda secara aktif dengan pengurusan kecederaan anda akan menjadi faktor penting dalam pemulihan anda dan proses anda kembali bekerja dengan selamat.

Anda dikehendaki mengambil usaha yang berpatutan untuk kembali bekerja. Sementara kecederaan anda sedang beransur pulih, anda harus kerap berjumpa dengan pengamal perubatan yang merawat anda dan mengikuti program rawatan yang disyorkan bagi kecederaan anda. Anda juga mungkin dikehendaki menghadiri janji temu perubatan yang lain jika diwajibkan atau diatur oleh majikan anda dan penginsurans mereka. Jika anda tidak dapat menghadiri sesuatu janji temu atas apa-apa sebab, pastikan anda memberikan notis secukupnya dan mengatur janji temu lain.

#### Pastikan anda sentiasa cergas dan bersikap positif

Rangka pemikiran yang positif boleh meninggalkan kesan yang besar terhadap penyembuhan dan pemulihan diri anda. Eloklah anda:

- sentiasa berhubung dengan rakan-rakan sekerja
- bincang dengan pengurus anda tentang tugas alternatif yang bersesuaian jika pengamal perubatan yang merawat anda menaksir bahawa anda separa sesuai untuk kembali bekerja
- teruskan aktiviti anda yang biasa dengan seberapa banyak yang boleh supaya anda sentiasa cergas
- terima pertolongan ahli keluarga dan kawan-kawan
- bertumpu pada apa yang boleh anda lakukan dan bukannya pada apa yang tidak boleh anda lakukan.

#### Kembali bekerja

Penyelidikan menunjukkan bahawa kembali bekerja dengan awal (walaupun tugas anda diringankan) ialah langkah penting dalam proses pemulihan anda dan pilihan yang terbaik bagi pekerja yang tercedera.

Anda mesti berusaha seiring dengan majikan anda, penginsurans mereka dan pengamal perubatan yang merawat anda untuk menjayakannya. Pengamal perubatan yang merawat anda akan memberitahu anda dan majikan anda waktunya apabila anda dapat kembali bekerja dan syarat-syarat yang harus anda patuhi apabila kembali bekerja kelak.

#### Mengekalkan perjawatan anda

Dalam sesetengah keadaan, keparahan atau jenis kecederaan mungkin menghalang anda bekerja selama berminggu-minggu, malah berbulan-bulan. Sepanjang tempoh ini, majikan anda diwajibkan membiarkan jawatan asal anda kosong untuk anda selama 12 bulan dari tarikh anda mula-mula tidak mampu bekerja.

Jika jawatan anda sudah diisi apabila anda kembali bekerja atau anda tidak lagi dapat menjalankan peranan itu, majikan anda mesti memberi anda jawatan yang setanding dari segi kedudukan dan gaji, yang sesuai dengan kelayakan anda dan yang mampu anda laksanakan. Majikan anda akan berunding dengan anda dan pengamal perubatan yang merawat anda untuk menentukan tugas alternatif yang bersesuaian.

Jika majikan anda ingin menamatkan perjawatan anda dengan cara yang dibenarkan oleh undang-undang dalam tempoh 12 bulan ini, mereka mesti memberi anda notis 28 hari secara bertulis mengenai hasrat mereka untuk berbuat demikian. Anda tidak boleh dipecat semata-mata atau terutamanya kerana anda ditimpa kecederaan yang menyebabkan anda tidak dapat bekerja.

## Kembali melakukan tugas yang diubahsuakan

Majikan anda dikehendaki menyusun program kembali bekerja jika anda mampu bekerja dan jenis kecederaan anda memerlukan tugas atau waktu kerja yang diubahsuakan atau dikurangkan. Majikan anda dikehendaki berusaha seiring dengan anda dan pengamal perubatan yang merawat anda untuk menyusun program kembali bekerja ini.

## Kewajipan anda untuk kembali bekerja

Anda memikul beberapa kewajipan untuk kembali bekerja, antara lainnya:

- memberikan kerjasama kepada majikan anda dan mengambil usaha yang berpatutan untuk kembali bekerja
- menyertai dan bekerjasama menubuhkan program kembali bekerja atau persidangan kes kembali bekerja
- mematuhi apa-apa kewajipan yang berpatutan yang dikenakan terhadap anda di bawah program kembali bekerja itu, termasuk kewajipan untuk menjalani rehabilitasi di tempat kerja.

Program kembali bekerja ini mestilah dalam bentuk yang diluluskan dan mengandungi:

- butir-butir mengenai peserta program
- keterangan tentang matlamat program kembali bekerja berserta waktu kerja, tugas dan larangan
- tindakan yang harus diambil untuk membolehkan anda kembali bekerja dan orang yang bertanggungjawab mengambil tindakan itu.

## Pemberi khidmat rehabilitasi di tempat kerja yang diluluskan

Pemberi khidmat rehabilitasi di tempat kerja (WRP) yang diluluskan boleh menolong anda dan majikan anda jika anda sukar menentukan tugas yang bersesuaian atau jika ada halangan yang menyukarkan anda kembali bekerja.

WRP boleh membantu anda dan majikan anda jika ada masalah pada proses kembali bekerja. WRP diluluskan oleh WorkCover WA dan memiliki kelayakan, pengalaman dan kepakaran untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkenaan berdasarkan taksiran keperluan pekerja dan tempat kerja. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah:

- kaunseling pekerjaan
- penaksiran kemampuan berfungsi dan bekerja
- penaksiran ergonomi
- aktiviti penempatan yang bertumpu pada usaha mendapatkan pekerjaan baharu untuk pekerja tersebut.

Senarai WRP yang diluluskan boleh didapati pada laman web WorkCover WA.

Jika anda tidak menyertai program kembali bekerja yang dipersetujui, majikan anda boleh memohon perintah CAS untuk menggantung, mengurangkan atau menghentikan bayaran pampasan pendapatan anda.



# Bahagian 4

## Peranan dan Tanggungjawab

### Pekerja

#### Membuat tuntutan:

- laporkan kecederaan anda kepada majikan anda dengan segera
- pergi berjumpa dengan pengamal perubatan pilihan anda dengan secepat mungkin untuk mendapatkan Perakuan Kemampuan Pertama
- isi Borang Tuntutan Pampasan Pekerja
- kemukakan Borang Tuntutan dan Perakuan Kemampuan itu kepada majikan anda
- hadir pemeriksaan perubatan, jika diminta oleh majikan anda.

#### Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- sertai program kembali bekerja yang dipersetujui
- laksanakan tindakan yang dipersetujui seperti yang diatur dalam program dengan sebaik-baik kebolehan anda
- beritahu majikan anda dengan segera jika anda mendapati sukar melaksanakan mana-mana aktiviti dalam program ini
- teruskan menghadiri janji temu perubatan dan rawatan lain jika diperlukan
- pilih WRP yang diluluskan jika diperlukan
- sertai persidangan kes kembali bekerja jika diperlukan.

### Majikan

#### Berikutan sesuatu tuntutan:

- kemukakan Borang Tuntutan yang telah diisi dan Perakuan Kemampuan kepada penginsurans mereka dalam masa tujuh hari selepas menerima dokumen ini daripada anda
- beri anda butir-butir perhubungan penginsurans mereka jika anda mahu menghubungi mereka sendiri
- bincang dengan anda mengenai pembayaran cuti sakit, cuti awam atau cuti perkhidmatan panjang untuk menggantikan bayaran upah sementara tuntutan anda ditaksir dan anda tidak boleh bekerja
- mula membuat bayaran pampasan pendapatan kepada anda seperti yang diberitahu oleh penginsurans.

#### Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- adakan Sistem Pengurusan Kecederaan
- berusaha seiring dengan anda dan pengamal perubatan yang merawat anda untuk menyusun program kembali bekerja yang bersesuaian jika diperlukan
- rujuk anda kepada WRP jika ada masalah pada proses kembali bekerja itu
- biarkan jawatan anda kosong selama 12 bulan dari tarikh anda mula-mula hilang kemampuan, jika boleh
- beri anda jawatan yang setanding dari segi kedudukan dan gaji jika anda tidak dapat melaksanakan tugas yang anda pikul sebelum anda tercedera
- beri anda notis 28 hari secara bertulis jika mereka berhasrat hendak menamatkan perjawatan anda.



## Penanggung insurans

### Berikutan sesuatu tuntutan:

- taksir dan buat keputusan berdasarkan maklumat sama ada menerima atau menolak tuntutan anda
- beritahu anda dan majikan anda mengenai keputusan itu dalam masa 14 hari selepas majikan anda menyerahkan dokumentasi tuntutan
- beritahu anda dan majikan anda tentang hal-hal penting yang berkaitan dengan kemajuan tuntutan anda
- gantikan belanja tuntutan anda dengan menepati masa
- jalankan urusan menurut *Prinsip dan Standard Amalan Penginsurans dan Penginsurans Diri*.

### Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- bekerjasama dengan anda dan majikan anda untuk menjayakan proses kembali bekerja
- pertimbangkan rujukan kepada WRP melalui rundingan dengan anda dan majikan anda.

## Pengamal perubatan yang merawat anda

### Berikutan kecederaan:

- taksir kecederaan anda dan berikan diagnosis peringkat awal
- beri anda Perakuan Kemampuan Pertama
- berikan nasihat mengenai larangan kerja yang mungkin berkenaan dengan anda
- berikan Perakuan Kemampuan yang berterusan untuk memberitahu majikan anda kemampuan anda untuk bekerja dan keperluan rawatan pada ketika itu.

### Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- semak kemajuan anda dengan kerap dan berikan Perakuan Kemampuan Kemajuan selepas setiap semakan jika anda belum pulih sepenuhnya daripada kecederaan tersebut
- berikan nasihat bertulis yang menyatakan keperluan program kembali bekerja jika diperlukan
- berusaha seiring dengan anda dan majikan anda untuk mengadakan tugas alternatif yang bersesuaian, selamat dan setanding dari segi kedudukan dan gaji
- berikan Perakuan Kemampuan Terakhir setelah anda pulih sepenuhnya.

## Pemberi khidmat rehabilitasi di tempat kerja yang diluluskan

### Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- lakukan penaksiran peringkat awal
- bincangkan taksiran peringkat awal ini dengan anda dan majikan anda, kemudian atur rancangan penyampaian perkhidmatan jika diperlukan
- jalankan urusan menurut *Prinsip dan Standard Amalan Pemberi Khidmat Rehabilitasi di Tempat Kerja*.



## Perlukan bantuan selanjutnya?



Telefon Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA melalui talian  
**1300 794 744** (8:30 pagi hingga 4:30 petang, Isnin hingga Jumaat)



Layari [workcover.wa.gov.au](http://workcover.wa.gov.au)

